

## Pemikiran Za ‘Ba Dalam Karya-Karya Terpilih

**Ahmad Nabil Amir**

*International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC-IIUM), Kuala Lumpur  
nabiller2002@yahoo.co.uk*

**Published:** 31 December 2020

**To cite this article (APA):** Amir, A. N. (2021). Pemikiran Za‘Ba Dalam Karya-Karya Terpilih. *Jurnal Peradaban Melayu*, 15, 53-58. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol15.5.2020>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol15.5.2020>

### ABSTRAK

Makalah ini membincangkan pemikiran dan penulisan-penulisan Pendeta Za ‘ba (16 September 1895-23 Ogos 1973) yang berpengaruh yang ditinggalkannya dari warisan pemikiran dan bekas-bekas perjuangan intelektualnya yang berasal dari sejarah. Ini diangkat dan dirumuskan daripada pergerakan dan usahanya dalam mengangkat darjah bangsa Melayu. Makalah ini bersifat deskriptif, analitis dan historis. Di samping itu, makalah ini meninjau legasi dan warisan intelektual yang ditinggalkan Za‘ba dan menggarap aspirasi perjuangan dan keyakinan intelek yang tinggi yang dibawanya dan pembaharuan yang berpengaruh yang dimanfaatkannya untuk mengangkat dan membangkitkan kesedaran orang Melayu. Kajian merumuskan bahawa kecekalan dan kesungguhan Za‘ba berhasil menggembungkan harakat perubahan dan ijihad dan menüpukan kesedaran nasionalisme dalam kalangan bangsa Melayu.

**Kata Kunci:** Za‘ba, Orang Melayu, Kemiskinan, Kebangsaan

### ABSTRACT

*The paper discusses the influential ideas and works of Pandeta Za ‘ba (16 September 1895-23 August 1973) that defines his profound aspirations and struggle to defend the Malay nation and the unprecedented intellectual tradition it left behind. This was derived from his accomplished works on Malay intellectual history that reflected his progressive ideas in formulating ways to advance and raise the standards and dignity of the Malay people. The paper uses descriptive, analytical and historical approaches. It looks into his historical works that gave critical and rational impression on the poverty of the Malays and some radical efforts to raise the new consciousness and confidence of the Malays from its unfortunate plight and predicament. The finding suggests that Za ‘ba has brought forth unprecedented sense of national consciousness that identify the Malay interest for prestige and development and the continuing hope of upliftment and the ideal of national struggle aspiring for reform and independence of the nation.*

**Key Word:** Za‘ba, Malay people, poverty, nationalism

### PENDAHULUAN

Pada 1947 (dalam usia 52 tahun) Za‘ba melanjutkan pengajiannya ke University of London dan mengajar bahasa Melayu di Sekolah Kajian Ketimuran dan Afrika (SOAS) kepada bakal pegawai Inggeris di Tanah Melayu. Beliau menduduki peperiksaan Diploma Bahasa Arab Klasik pada tahun 1949 dan lulus. Setelah pulang beliau dilantik sebagai pensyarah kanan, sekali gus memegang kedudukan Ketua Jabatan di Jabatan Pengajian Melayu di Universiti Malaya, Singapura yang disandangnya sebagai yang pertama ditunjuk ke jabatan itu dari bulan April 1953 sehingga Januari 1959, dan berkesempatan membentuk persekutuan bahasa Melayu pada 29 Januari 1955 yang dirancang bersama Profesor Diraja Ungku Aziz. Pencapaian ini sangat

dibanggakan sebagai anak Melayu pertama yang memangku jabatan penting yang mengkaji dasar bahasa dan sastera mereka sendiri. Kenyataan ini sebagai disorot oleh Muhammad Haji Salleh (2017, hlm. 114), yang mengupas pengalaman dan pencapaian yang signifikan yang diraihnya ini:

Pada waktu ini, Za'ba ialah Ketua Jabatan Pengajian Melayu, pensyarah tempatan yang pertama memegang jawatan itu, yang baru pulang dari England pada tahun 1953. Apabila beliau diangkat maka rasanya seperti terselamat maruah orang melayu. Sekarang, sekurang-kurangnya anak melayu mengetuai jabatan yang mengkaji bahasa dan sastera mereka sendiri. ‘Kita sampai setingkat lagi dalam proses mencari diri dan mengembalikan harga diri’, kata Usman. Za'ba masih agak muda pada waktu beliau dilantik sebagai ketua. Beliau pendek dan gemuk, dengan kaca mata berbingkai bulat. Tetapi apabila beliau bersyarah maka disulamnya dengan kelakar, dengan salutan telor Negeri Sembilan. Walaupun ada unsur seksual tetapi nuansanya dijalin dengan agak halus. Dalam kelakarnya itu Za'ba membawa semangat nasionalis, yang memperjuangkan bangsa dan jati diri.

Tulisan ini menelusuri idea dan penulisan Pendeta Za'ba (16 September 1895 - 23 Ogos 1973) yang berpengaruh yang ditinggalkan dari warisan pemikiran dan perjuangan intelektualnya yang bersejarah dalam usahanya mengangkat darjah bangsa. Hal ditinjau dari legasi dan keyakinan intelek yang tinggi yang dibawanya daripada pembaharuan yang berpengaruh yang dimanfaatkannya untuk mengangkat dan membangkitkan kesedaran dan menggembungkan perubahan dan ijihad. Kesedaran ini dibawakan dalam banyak penulisan dan makalah yang dikarangnya yang akan dibincangkan dalam penulisan ini.

### Pemikiran Za'ba

Pemikiran Za'ba yang tinggi dan luar biasa telah mendapat pengiktirafan dalam negara. Dalam kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Malaya ke-3 di Johor Bahru pada 16-21 September 1956, beliau dianugerahkan gelaran Pendeta. Kongres yang dirancang oleh Angkatan Sasterawan 50 (ASAS 50) itu memberinya anugerah berupa songkok, yang disampaikan oleh Cikgu Muhammad Noor bin Ahmad, Naib Pengerusi kongres, yang memasyhurkan perisytiharaan anugerah Pendeta yang bermakna itu. Dalam melakarkan penghargaan ini, Usman Awang telah diminta untuk mendrafkan kata-kata penghargaan terhadap Za'ba, “yang akan dianugerahkan gelaran ‘Pendeta’, kerana gelar itu dicipta untuk memberikan pengiktirafan konkret kepada pejuang bahasa dan sumbangan mereka yang juga menjadi ‘lambang dari perjuangan Bahasa dan Persuratan Melayu di Tanah Air kita yang amat kita junjung tinggi ini.’” (Muhammad Haji Salleh, 2017, hlm.109)

Ungkapan yang puitis yang dilakar Usman Awang itu melafazkan: “Di antara deruan angin selat Melaka, di antara kocakan ombak dan air yang memisahkan dengan kepulauan Indonesia, maka dengan ini kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Malaya menganugerahkan kehormatan dengan meletakkan lambang dan tonggak Bahasa dan Kesusasteraan Melayu kepada Tuan Haji Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) (*Utusan Melayu*, 22.9.1956)

Walaupun begitu, hal ini tidak diharapkan Za'ba. Perkara ini dibayangkan dalam suratnya kepada O.T. Dussek bertarikh 20.10.1936, yang menegaskan:

“The Johor Society of Malay literature wished to acknowledge my help in this Dictionary of theirs by conferring on me the ‘title’ of Pendeta Bahasa Johor; but I politely and factfully declined it, as I am not out for such petty ‘titles’ and ‘honours’. The glitters of ephemeral greatness and honour never appeals to me.” (Adnan Haji Nawang, 1994, hlm.147).

Sebaliknya, menurut Za'ba, tanggungjawab memajukan dan mengangkat darjah bahasa dan pengembangannya jauh lebih mendesak daripada gembar-gembur yang menjadi permainan dan percaturan

politik pihak yang berkepentingan, dan merupakan tinggalan adat feudal yang lapuk. Pandangan ini dilahirkannya dalam suratnya bertarikh 8 September 1958 kepada Muhammad Noor bin Ahmad (yang bertanggungjawab menyuntingkan gelar pendeta itu):

“Adat mengurniakan bintang dan gelar itu adalah adat feudal dan simbol penjajah yang tidak sayugia dikekalkan; dan memakai gelar dan bintang itu pada perasaan ayahanda ialah seperti burung kesayangan memakai kalong emas yang diberi oleh tuannya...walau bergelar walau tidak ayahanda begini juga. Kalau dikatakan yang memberinya itu rakyat, ayahanda pun rakyat juga, dan tidak ingin jadi lain daripada itu.” (Adnan Haji Nawang, 1994, hlm. 170).

Antara pemikiran penting yang disampaikan oleh Za’ba termasuklah membasmi kemiskinan dan cita kemajuan, perjuangan terhadap bahasa, dan perangai bergantung kepada diri sendiri.

### **Membasmi Kemiskinan dan Cita Kemajuan**

Dalam tulisannya yang berjudul *Jalan Keselamatan Bagi Orang-Orang Melayu Za’ba* berusaha membangkitkan kesedaran dan aspirasi penting dalam perjuangan orang Melayu untuk mencapai kemajuan. Menurutnya, orang Melayu telah lama dijarah dan dikikis habis mahsulnya oleh bangsa penjajah seperti Inggeris sehingga berada dalam kemiskinan. Kemiskinannya ini tidak hanya dipandang Za’ba pada kekurangannya pada wang ringgit dan harta benda, malah juga kepada akal budi, pengetahuan dan pelajaran yang asas, nilai-nilai pemikiran dan sifat-sifat keperangan yang mulia, sehingga tertinggal jauh daripada pencapaian bangsa-bangsa yang besar.

Oleh sebab kebodohan dan kemiskinan akal budi ini juga orang Melayu bersikap pesimis dan mulai berserah buta sahaja, bergantung pada usaha orang lain, tanpa daya juang dan keyakinan atas ikhtiar yang dituntut agama untuk merubah dan menentukan nasibnya sendiri. Kejahilan yang parah ini telah membawa pada kepercayaan yang tidak-tidak, amalan syirik, dan bacaan *Qul Huwallah*, doa-doa dan sedekah tahlil sebagai penebus dosa ketika mati kelak. Tegas Za’ba, nilai agama dan kekuatan ajarannya terletak pada dorongan dan keyakinan yang diilhamkannya, amalan dan perbuatan yang dikerjakan sendiri. Tuhan tidak pernah menyuruh kita berserah buta mengharapkan pemberian sedekah dan fidyah, mengemis dan mengharap usaha yang dibanting orang lain. Segala pekerjaan ibadat harus dikerjakan sendiri, tanpa boleh diwakilkan pada orang lain.

Dalam mengungkapkan pemikirannya, Za’ba sangat tegas menentang kebodohan terhadap pemikiran lapuk. Ia menganggap orang Melayu mewarisi sikap dan pemikiran yang sama, iaitu hidup sebagai katak di bawah tempurung. Tantangan terhadap kebobrokan ini sebagai diungkapkan oleh Hamka (1983) dalam perbahasannya yang mendalam tentang paham dan kepercayaan lapuk yang dibantah akal, yang ditekankan dalam bukunya *Membahas Kemusykilan Agama*: “kerana pada zaman yang sudah-sudah orang hanya diwajibkan taqlid (menurut sahaja), dengan tidak boleh mempergunakan akalnya, sehingga kepercayaan agama telah dicampuradukkan dengan dongeng dan ketololan. (hlm. 57)”

### **Perjuangan Terhadap Bahasa**

Dalam mengajarkan falsafah kemerdekaan dan pembaharuan, Za’ba sering menekankan kekuatan dan kepentingan bahasa dan kedudukannya yang penting dalam membangun budaya dan memperjuangkan kepentingan bangsa. Hal ini dilontarkan dalam *Pelita Bahasa Melayu Penggal III*. Dalam pengantar kitab ini, beliau menzhirkan harapannya kiranya karangannya ini dapat menghidupkan dan mengilhamkan kecintaan yang mendalam terhadap bahasa dalam kalangan anak-anak Melayu, di samping menghargai dan merasai keindahan bahasa ibunda. Pelajaran bahasa ini dipandang tinggi kerana dapat mengangkat darjah bangsa dan harus dimartabatkan sebagai bahasa pengantar dan bahasa rasmi pemerintahan dalam negeri ini.

Perihal kecintaan yang tinggi terhadap bahasa terungkap dalam *Pelita Bahasa Melayu Penggal III* (2000) seperti petikan di bawah:

Mudah-mudahan dapat-lah kitab ini jadi suatu panduan kapada anak-anak sekolah dan “pemuda-pemudi” Melayu berlateh mengarang dengan betul dan elok dalam bahasa mereka sendiri, sa-hingga chukup tahu akan salah betul sa-suatu ayat, terang atau tiada terang-nya, dan sedap atau tiada sedap-nya sa-suatu karangan itu.

Di samping itu, Za'ba turut menghasilkan beberapa karya penting yang lain untuk meningkatkan pemahaman dan kesedaran baharu terhadap bahasa khususnya berkaitan nahu, ejaan Jawi dan latihan kepengarangan yang asas menerusi beberapa karya lain. Antaranya termasuklah *Ilmu Bahasa Melayu* (1927), *Ilmu Mengarang Melayu* (1934), *Rahsia Ejaan Jawi* (1929), *Bahasa Melayu: Kelebihan dan Kekurangannya* (himpunan lapan buah makalahnya yang dikeluarkan dalam majalah *Qalam*, 1950-an, edisi rumi diterbitkan pada 2013 oleh Akademi Jawi Malaysia), dan *Pelita Bahasa Melayu*, yang menampilkan pemikiran-pemikiran asas tentang pengetahuan bahasa, falsafah dan keindahan ilmu persuratan Melayu dan seni kepengarangannya. Karya-karya besar ini disusun sebagai teks latihan mengarang murid-murid peringkat tinggi di sekolah-sekolah Melayu dan pengajian tinggi di kolej-kolej perguruan. Antara buku yang terakhir yang dikarangnya ialah *Tawarikh Tanah Melayu* (1961), dan *Kalong Bunga I dan II*.

### Perangai Bergantung kepada Diri Sendiri

Pada tahun 2009, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan semula karya Za'ba yang berjudul *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*. Dalam buku ini Za'ba mengungkapkan pandangannya yang kritis tentang sikap dan pandangan hidup orang Melayu yang agak sederhana dalam pencapaian hidup, kerana dibelenggu kelemahan dan kekurangan yang ketara dalam nilai keyakinan serta pergantungan kepada ikhtiar sendiri.

Kritikan dan pukulannya yang keras terhadap bangsanya menyebabkan buku ini tidak dicetak oleh manama syarikat penerbitan. Usaha percetakan dan penerbitannya hanya diupayakan setelah lapan tahun pemergian Za'ba ke sisi Tuhanneyapada tahun 1982. Manuskrip ini diserahkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka oleh warisnya, Zaharah Za'ba (1920-1988) daripada khazanah penulisannya yang tersimpan dalam bentuk manuskrip.

Karangan ini dianggap sebagai sambungan dari risalah pertamanya bertajuk *Umbi Kemajuan atau Falsafah Takdir* (1932). Risalah Pertama ini telah diharamkan oleh pemerintah Perak ketika itu dan ditentang hebat oleh golongan agama dan ulama-ulama tua yang lapuk sehingga menyebabkan risalah keduanya tidak diterbitkan berikutnya bantahan keras dan penentangan yang memuncak pada masa itu. Bukan saja dikatakan disogok dengan pandangan agama yang kontroversi dan telah membangkitkan polemik hebat dengan tanggapannya yang sinis terhadap praktik agama yang diwarisi turun-temurun serta bertentangan dengan pandangan Islam yang konvensional dan normatif.

Edisi khas yang dikeluarkan pada tahun 2009 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka ini disediakan dalam tulisan Melayu rumi, Jawi, serta dialih ke bahasa Inggeris dengan judul *Habits of Self-Reliance* (diterjemahkan oleh Wan Ahmad Hulaimi); ditangani dan diselenggarakan oleh Asmah Haji Omar. Asmah (2009) telah memberikan pengenalan yang signifikan tentang latar penulisan dan tema-tema sejarah dan pemikiran yang diangkatnya dan kekuatan faham pembaharuan yang diilhamkan daripada karangan ini. Buku ini turut memuatkan pengantar yang ringkas yang ditulis oleh Datuk Haji Hassan Ahmad.

Buku ini terdiri daripada dua bahagian, Risalah Kedua dan Risalah Ketiga yang masing-masing merangkumi empat bab. Risalah Kedua berjudul “Perangai Bergantung kepada Diri Sendiri” menerangkan bab-bab berikut: (1) Wajibnya bagi mendapat kejayaan (2) Kekurangan kita dalam sifat ini (3) Fikiran, kepercayaan dan pegangan agama (4) Bersendiri pada ilmu dan amalan. Risalah Ketiga pula yang mengupas tentang

kebijakan dan kejahatan dan asas-asas penghujahannya memuatkan bab-bab berikut: (1) Fahaman yang luas (2) Baik dan jahat tetap ada (3) Fahaman yang sempit (4) Kejatuhan umat Islam dan jalan kepulihannya.

Pada asasnya, buku ini membawa penghujahan al-Quran dan hadis yang menganjurkan kepada sikap berdikari (*al-i'timad 'ala al-nafs*) tanpa mengharapkan pertolongan orang lain. Hal ini ditakrifkannya sebagai menyempurnakan pekerjaan dengan usaha sendiri tanpa mengharapkan bantuan orang lain. Menurut Za'ba, pergantungan atas diri sendiri merujuk kepada kemandirian dan kesendirian dalam berbuat, dan kesanggupan untuk memikul sendiri beban tanggungjawab yang diakibatkan daripada perbuatannya.

Nilai yang diperjuangkannya dalam buku ini ialah iltizam dan kepercayaan terhadap usaha sendiri. Pekerjaan yang dilakukan dengan tenaga dan keringat sendiri menjadi faktor penting dalam mengangkat atau menjatuhkan nilai sesuatu bangsa, dan yang menginsafi bahawa kelemahan dan kenaifan peribadi itulah pokok puncanya yang mengakibatkan lemah dan jatuhnya sesuatu bangsa.

Kebergantungan kepada diri sendiri ini berpunca daripada keinsafan terhadap keunggulan dan ketinggian peradaban yang dicapai pada zaman awal dan pertengahan Islam. Pada masa ini semangat kesendirian menjadi sikap dan prasyarat dalam pencapaian mengagumkan oleh pelopor Islam yang awal. Kelemahan dan kemunduran fikiran idiselar kerana boleh mengikat kebebasan akal dan menyebabkan kejahilan dalam kalangan orang Melayu, ketinggalan serta kekal dalam kemiskinan, selain mengharapkan fidyah dan syafaat penebus di akhirat, sedekah tahlil dan bacaan Qulhuwallah setelah mati. Sikap pesimis (mengalah) dan menyerah kepada nasib tanpa ikhtiar dan daya juang inilah yang telah membelenggu pemikiran telah menyebabkan orang Melayu ketinggalan.

Sesungguhnya saranan-saranan yang konkrit yang diutarakan dalam buku *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri* ini telah meletakkan asas penting bagi menegakkan perubahan budaya dan peradaban. Pencerahan akliah yang meyakinkan usaha pemberdayaannya dalam memperkuuh dan membina jati diri dan keyakinan dan membentuk ketinggian sahsiah masyarakat. Pemikiran yang radikal yang dibawanya ini berupaya membakar semangat dan menggilap daya juang dalam meninggikan kemuliaan dan kemajuan masyarakat orang Melayu.

## KESIMPULAN

Ketinggian pemikiran Za'ba telah meraih pengiktirafan yang tinggi dan mendapat penghormatan yang meluas dari kaum cendekiawan seperti Syed Muhammad Naquib al-Attas dan Hamka. Menerusi karya-karya yang telah dihasilkan, Za'ba bukan sahaja seorang tokoh yang berupaya melahirkan idea-idea baharu mendepani zamannya menerusi karya yang dihasilkannya, tetapi juga menjadi aspirasi perjuangan dan keyakinan intelek yang tinggi dalam membangunkan fikiran masyarakat Melayu. Kajian merumuskan bahawa kecekalan dan kesungguhan Za'ba berhasil menggembang perubahan dan ijtihad dan menupukan kesedaran nasionalisme dalam kalangan bangsa Melayu.

## RUJUKAN

- Abdullah Fahim, *Pendeta Za'ba*. (2000). *Tokoh bahasa disegani ramai*. Subang Jaya, Selangor: Pustaka Seri Idaman, 2010.
- Abdullah Hussain, Khalid M. Hussain. (2000). *Pendeta Za'ba dalam kenangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adnan Haji Nawang. (1994). *Za'ba: Patriot dan Pendeta Melayu*. Kuala Lumpur, Yayasan Penataran Ilmu.

- Adnan Hj. Nawang. (1998). *Za'ba dan Melayu*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Adnan Hj. Nawang. (2005). *Memoir Za'ba*. Tanjung Malim, Perak: Penerbit UPSI.
- Adnan Hj. Nawang. (2007). *Za'ba dan Melayu*. Tanjung Malim, Perak: Penerbit UPSI.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1976) "Pendita Za'ba: Suatu Penghormatan" (Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu: Esei-Esei Penghormatan kepada Pendita Za'ba). Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.
- Anwar Ibrahim. (1989). *Menangani Perubahan*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Hamka. (1965). *Sejarah Umat Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Hamka, "Pengaruh Islam dan Kebudayaan Melayu" (Kertas Kerja Seminar Kebudayaan 25-28 Julai 1976). Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.
- Hamka. (1982). *Dari Perbendaharaan Lama*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Hamka. (1983). *Membahas Kemusyikan Agama*. Shah Alam: Pustaka Dini.
- Hamka. (2019). *Kenangan-Kenanganku di Malaya*. Kajang: Jejak Tarbiah.
- Mark Twain (2001). *Anak Raja dengan Anak Papa: iaitu suatu cerita untuk anak-anak dan budak-budak sekolah daripada segala tingkatan umurnya*. Diterjemahkan oleh Za'ba. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,
- Muhammad Haji Salleh. (2017). *Seorang Penyair, Sebuah Benua Rusuh Biografi Usman Awang*. Petaling Jaya: SIRD.
- Za'ba. (2000). *Pelita Bahasa Melayu Pengal I-III*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Za'ba. (2002). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Za'ba. (2009). *Perangai Bergantung Pada Diri Sendiri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Za'ba. (2013). *Bahasa Melayu: Kelebihan dan Kekurangannya*. Bandar Baru Bangi, Selangor: Klasika Media-Akademi Jawi Malaysia.